

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JULY 2016

Mampukah Dr. Mahathir ubah nasib pakatan pembangkang?

Um - 17/7/2016

NAMPAK 'tulen' senarai ahli apa yang dikatakan parti baharu yang dikenali 'Melayu Baru Bersatu'.

Ada 'Ghani Patail', 'Abdul Wahid Omar', 'Rafidah Aziz' dan banyak 'nama besar' juga dalam 'kepimpinan' parti diketuai 'Muhyiddin Yassin' itu.

Sengaja barangkali disenaraikan nama-nama berkenaan. Sejauh mana ketulenan senarai itu yang berlegar di laman sosial, kita tidak pasti.

Boleh hidup atau tidak parti atau pakatan baharu? Pakatan pembangkang sebelum ini banyak telah berkubur.

Antaranya, Barisan Alternatif, Angkatan Perpaduan Ummah, pakatan rakyat dan terakhir pakatan harapan.

Seingat kita, kemunculan parti baharu, Parti Melayu Semangat 46 (S46) pada 1988 menjadi pencetus pembentukan pakatan pembangkang yang hampir memusnahkan parti induknya, UMNO.

Parti serpihan UMNO itu menghasilkan golongan kanan yang cepat memperjuangkan kepentingan Melayu. Bagi kira-kira sembilan tahun (1987-1996), S46 telah menonjolkan hak-hak Melayu, kedaulatan Sultan-sultan dan sudah tentu Islam yang menjadi satu usaha sesuai dengan hasrat Pas.

Malah, pakatan S46-Pas di Kelantan, yang lebih dikenali sebagai Angkatan Perpaduan Ummah berjaya melahirkan kerajaan campuran sehingga Pas menguasai Kelantan sehingga kini.

Kemunculan S46 menarik hampir separuh anggota Kabinet Dr. Mahathir dan menggugat pentadbiran negara.

Suatu ketika, tiga parti serpihan, Parti Hizbul Muslimin Malaysia (HAMIM) dari Pas serta Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) dan Parti Negara, ilham Onn lenyap begitu sahaja.

Pembentukan pakatan rakyat mencalar rekod majoriti dua

ANALISIS
Zulkifli Jaliil



DR. MAHATHIR MOHAMAD



MUHYIDDIN YASSIN

pertiga Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 2008, diteruskan dalam PRU 2013, namun masih belum mampu menumbangkan BN.

Rekod pakatan harapan pula untuk mencipta kejutan bagaimanapun terkulai di Bumi Kenyalang pada Mei lalu, sebelum tersembam di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Parti baharu yang muncul dari serpihan parti induk, haluannya umpama bahtera yang kehabisan minyak di tengah lautan.

Anak-anak kapal menunggu 'penyambung nyawa'.